

**MESEJ SIMBOLIK KARYA POSTER COVID-19
DARI BALAI SENI LUKIS SABAH
SYMBOLIC MESSAGE OF COVID-19 POSTER WORK
FROM SABAH ART GALLERY**

ISSAREZAL ISMAIL¹

HUMIN JUSILIN²

RUZAMIRA ABDUL RAZAK³

HILAL MAZLAN⁴

ROSMIDAHANIM RAZALI⁵

*Fakulti Senilukis dan Senireka, Universiti Teknologi MARA,
32610 Bandar Baru Seri Iskandar, Perak^{1, 3, 4, 5}*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah²*

Corresponding author: issarezal@uitm.edu.my

Tarikh dihantar: 6/2/2021 / Tarikh diterima: 29/6/2021

ABSTRAK Sebuah karya poster bukan hanya sekadar paparan gambaran visual dan teks yang memiliki aspek-aspek keindahan ataupun hiburan. Namun, ia juga merupakan alat atau medium komunikasi bukan lisan yang dihasilkan oleh penciptanya untuk menyampaikan sesuatu berupa mesej kepada orang lain. Kajian ini cuba mendekati, memahami dan menjelaskan mesej dari satu siri karya poster COVID-19 dari Balai Seni Lukis Sabah yang diciptakan oleh Intan Munirah Hamzah mencakupi aspek struktur, isi dan fungsi dari mesejnya. Pendekatan kajian seni di mana asas-asasnya berasal dari pendekatan kualitatif menekankan pada sistem penjelasan yang bersifat deskriptif dan holistik telah digunakan, sekali gus dihubungkan melalui kerangka konseptual yang dibangun oleh konsep-konsep relevan sebagai bingkai acuan analisisnya. Hasil analisis menunjukkan bahawa karya-karya poster COVID-19 dari Balai Seni Lukis Sabah cuba mengutarakan mesej keselamatan diri dan pencegahan yang terkait dengan fenomena COVID-19 yang sedang melanda dunia pada masa kini. Struktur mesejnya menyampaikan isi mesej yang mewakili makna tentang adab kesopanan dan kesusilaan, sikap pematuhan dan juga kebijaksanaan fikiran ketika semua orang dituntut untuk mengamalkan beberapa langkah keselamatan dan pencegahan seperti kerap memakai topeng muka, kekal duduk di rumah dan kerap mencuci tangan. Siri karya poster ini bukan sahaja memainkan fungsinya secara informatif dalam memberikan maklumat tentang keselamatan diri dan langkah-langkah pencegahan dalam menghadapi fenomena COVID-19, tetapi juga mengaktifkan fungsinya melalui ajaran nilai seperti nilai kesihatan, nilai kebersihan, nilai pengorbanan dan

nilai norma sosial baharu agar pada akhirnya mendorong atau mengajak masyarakat untuk sama-sama memainkan peranan masing-masing dalam menanggapi situasi pandemik berskala global ini.

Kata kunci: Mesej, simbolik, karya poster, COVID-19, Balai Seni Lukis Sabah, Intan Munirah Hamzah.

***ABSTRACT** A poster work is not just a combination of visual and text that have aspects of beauty or entertainment. However, it is a tool or medium of non-verbal communication created by its creator to convey something in the form of messages to others. This study seeks to approach, understand and explain the message of a series of poster of COVID-19 from the Sabah Art Gallery created by Intan Munirah Hamzah covering the structure, content and function of its message. The art study approach, which is fundamentally based on a qualitative approach that emphasizes on a descriptive and holistic explanatory system has been used at the same time through a conceptual framework built on relevant concepts as a frame of analysis. The analysis shows that the COVID-19 posters from the Sabah Art Gallery are trying to convey the message of self-safety and prevention related to the COVID-19 phenomenon that is plaguing the world today. Its message structure conveys the meanings of courtesy and morality, compliance and even discretion when everyone is required to practice some safety and precautionary measures such as wearing a face mask, staying at home and frequently washing their hands. This series of poster not only plays its role in providing information and preventive measures in the face of the COVID-19 phenomenon, but also activates its function through teaching values such as health values, hygiene values, sacrifice values and new social norms values in order to ultimately encouraging people to play their part in response to this global pandemic situation.*

Keywords: Message, symbolic, poster work, COVID-19, Sabah Art Gallery, Sabah, Intan Munirah Hamzah.

PENGENALAN

Jika ditanya tentang fenomena paling hangat pada tahun 2020, maka tidak lain tidak bukan jawapan paling umum yang diberikan tentulah virus COVID-19. Virus yang pada awalnya tidak memiliki nama dan begitu asing dalam dunia perubatan itu didakwa oleh banyak pihak berasal dari sebuah pasar haiwan eksotik di daerah Wuhan, China (lihat Aiman Saddiq Abdullah, 2020). Sewaktu kajian ini dijalankan pada pertengahan bulan Mei 2020, virus itu bukan sahaja telah pun menjangkiti lebih daripada tiga juta orang di seluruh dunia tetapi juga telah pun mengakibatkan jumlah korban yang begitu besar iaitu sekitar lebih 200,000 orang. Boleh dikatakan bahawa hampir tiada batas-batas geografi yang tidak dapat ditembus atau dimasuki oleh virus korona baharu yang sangat berbahaya ini.

Bagi menghalang penularan atau peningkatan jumlah kes COVID-19, setiap negara memperkenalkan langkah-langkah pencegahannya masing-masing. Di Malaysia, langkah-langkah pencegahan itu termasuklah penutupan sempadan keluar-masuk negara (darat, laut dan udara), menerapkan akta, peraturan, sekali gus perintah kawalan pergerakan (PKP), menutup sementara semua aktiviti yang melibatkan sektor ekonomi, pendidikan, sosial, budaya, agama dan juga sukan, menjalankan ujian saringan COVID-19 kepada kontak rapat pesakit dan juga mereka yang berpotensi besar terkena jangkitan serta mengadakan kempen-kempen kesedaran kesihatan kepada masyarakat melalui media massa dan media sosial.

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh semua pihak di seluruh negara termasuk di negeri Sabah bagi sama-sama membantu kerajaan dalam mengekang dan mengawal penularan wabak penyakit itu. Ada yang menyumbangkan tenaga untuk menjahit *personal protection equipment* (PPE) untuk diagihkan kepada petugas barisan hadapan. Tidak kurang juga mereka yang mengagihkan sejumlah bantuan berupa topeng muka, cecair pembasmi kuman dan bantuan makanan kepada keluarga yang memerlukan serta paling tidak, ramai juga dilihat mengambil inisiatif menyampaikan pandangan peribadi serta nasihat masing-masing kepada masyarakat umum tentang pelbagai hal yang terkait dengan wabak penyakit COVID-19 di media sosial.

Dalam konteks seni visual, aneka ragam bentuk dan jenis karya seni visual telah tampil khususnya di media sosial sebagai suatu respons atau tanggapan terhadap fenomena kesihatan berskala global ini. Hal tersebut setidaknya-tidaknya mengisyaratkan bahawa para seniman tidak mahu ketinggalan untuk terlibat sama dalam menyumbangkan idea, pandangan dan perasaan yang mereka rasakan sejak kehidupan sehari-hari telah dipengaruhi oleh fenomena wabak COVID-19. Oleh kerana terpaksa berkurung di dalam rumah sepanjang tempoh PKP berlangsung, Kemungkinan mereka mengambil kesempatan itu untuk menyatakan atau berkongsi sesuatu melalui apa yang menjadi kepakaran mereka iaitu penciptaan karya seni visual.

Salah satu bentuk karya seni visual yang mendapat perhatian besar daripada warga masyarakat di Sabah adalah siri karya poster yang dihasilkan oleh Balai Seni Lukis Sabah (BSLS). Siri karya poster yang diciptakan oleh Intan Munirah, salah seorang pereka grafik dari agensi kerajaan itu muncul di media sosial pada minggu kedua PKP berlangsung dan terus tular sehingga ketika ia dikongsikan secara dalam talian oleh netizen. Bagi kebanyakan orang, siri poster tersebut memiliki beberapa keistimewaan yang dapat menarik perhatian umum, misalnya; (1) subjek tokoh yang digunakan sangat dekat dengan masyarakat kerana diambil dari lukisan ikonik daripada pelukis terkenal di dunia; (2) warna-warna yang digunakan sangat menarik dan; (3) pola pengucapan visual yang sarat dengan unsur humor atau jenaka sehingga boleh mengundang ketawa.

Sudah tentu kewujudan sesebuah karya seni visual seperti poster bukan sahaja sebagai satuan gambaran atau warna yang ditunjukkan untuk membangkitkan kesan keindahan mahu pun kesan hiburan kepada pengamatnya, tetapi hadir dengan pelbagai mesej tertentu yang ingin disampaikan oleh penciptanya. Seperti yang dikemukakan oleh Barrett (1982: 6), karya seni visual dihasilkan kerana seniman memiliki hasrat untuk menyampaikan sesuatu, entah itu suatu permasalahan, fikiran, perasaan atau pengalaman yang terkandung di dalam dirinya ke dalam bentuk visual. Itulah tujuan dari kewujudan sebuah karya seni visual termasuklah seni poster kerana seniman ingin berkongsi sesuatu kepada orang lain selaku pengamat karya-karyanya.

Berdasarkan huraian di atas, kajian ini akan cuba mendekati, memahami sekali gus menjelaskan mesej simbolik pada karya poster COVID-19 dari BSLS hasil ciptaan Intan Munirah Hamzah. Tujuan atau objektif kajian itu pula selari dengan beberapa persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini di mana antara lain termasuklah; (1) Apakah struktur mesej dari karya poster itu mencakupi aspek tanda dan simbolnya; (2) Apakah isi mesej berupa serangkaian makna yang diproduksikan dari tanda dan simbol tersebut? dan; (3) Apakah fungsi mesej dari karya mural itu?

Manfaat atau sumbangan dari kajian ini mampu memberi sumbangan kepada dunia akademik dan dunia praktis. Manfaat akademiknya mampu mengembangkan kajian seni visual dalam wilayah pengetahuan tentang komunikasi (mesej) dalam bentuk karya seni visual. Sedangkan, sumbangan praktisnya pula dapat digunakan sebagai panduan oleh masyarakat yang ingin memahami karya seni visual dengan lebih mendalam serta menginspirasi para penggiat seni visual yang gemarkan bentuk-bentuk karya poster.

KAJIAN LITERATUR

Walaupun sumber penulisan ilmiah dalam bidang seni visual tempatan pada umumnya agak terbatas, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbincangan tentang karya poster telah menjadi topik kajian daripada beberapa orang penulis di negara ini melalui pelbagai sudut pandang. Saiful Akram Che Yob (2019), misalnya melihat pengaruh seni poster sebagai salah satu bentuk karya seni visual pada zaman penjajahan Jepun yang digunakan sebagai medium atau alat bagi tujuan menyebarkan atau menyampaikan propaganda dalam konteks penerimaan masyarakat pada waktu itu. Kajian beliau sampai pada penemuan bahawa citra visual romantik yang dimanifestasikan dalam bentuk karya seni visual (termasuk karya poster) pada era penjajahan Jepun berupaya memujuk masyarakat pada waktu itu agar menyokong dasar-dasar pentadbiran Jepun. Di sebalik penulisan sejarah yang cenderung menggambarkan dampak dan sisi negatif pihak Jepun, justeru kajian beliau menghidangkan perspektif sebaliknya.

Selain itu, Zubaidah Osman dan Nor Azura Adzharuddin (2015) juga mengkaji pengaruh unsur-unsur karya poster sebagai salah satu ungkapan komunikasi visual dalam konteks penerimaan masyarakat tetapi objek kajian

yang difokuskan adalah karya poster pemasaran. Hasil analisis kajian mereka berdua menunjukkan bahawa unsur-unsur karya poster pemasaran dapat memberi pelbagai kesan emosi berbeza kepada pengamat. Di sini, unsur gambar atau ilustrasi, reka bentuk grafik, warna dan teks memainkan peranan untuk membangkitkan pengalaman afektif manusia yang berimplikasi terhadap kemampuan manusia untuk memberikan tanggapan emosional terhadap sebuah karya poster pemasaran. Justeru, unsur-unsur visual dan verbal bukan sahaja menjadi medium penyampaian yang sangat baik tetapi juga memberi kesan dengan cepat kepada aspek-aspek emosi atau perasaan pengamatnya.

Unsur reka bentuk karya poster kempen kesihatan pula menjadi tema dan fokus dari kajian Hafizah Rosli (2018). Melalui analisis yang dijalankan beliau ke atas 72 karya poster dari empat buah negara iaitu Amerika Syarikat, Britain, Australia dan Malaysia, hasil kajian beliau mendapati bahawa terdapat enam unsur penting dalam reka bentuk karya poster kempen kesihatan yang efektif iaitu penggunaan warna yang terang, memiliki ruang latar belakang, meletakkan tajuk, gambaran visual dengan gaya *vector*, saiz poster berskala A1 dan jenis huruf dari sans serif. Kesemuanya ini menurutnya akan sangat membantu para pereka grafik dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menciptakan karya-karya poster kesihatan supaya lebih menarik perhatian masyarakat umum dan juga menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan.

Kajian sejenis juga dijalankan oleh Nur Faizah Mohd Pahme dan Norfarizah Mohd Bakhir (2014) yang meninjau reka bentuk dan penggunaan karya poster bercetak dalam kempen pencegahan penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia. Kajian yang memanfaatkan data kuantitatif berupa soal selidik ke atas 101 responden itu mendapati bahawa dari aspek penggunaannya, karya poster bercetak masih relevan jika dibandingkan dengan kaedah lain kerana bersifat kekal dan tidak mudah hilang seperti di layar televisyen atau paparan media sosial. Namun demikian, dari aspek reka bentuknya pula, ternyata penonjolan visual pada karya poster kempen pencegahan seksual kanak-kanak di negara ini masih belum memiliki kemampuan untuk menarik minat masyarakat kerana reka bentuknya yang dianggap ketinggalan zaman.

Seterusnya, karya poster sebagai bentuk seni visual yang berfungsi menjadi alat untuk mengukur tahap celik visual menjadi perhatian utama dari kajian yang dilaksanakan oleh Mona Masood dan Zakiah Zain (2011). Berdasarkan pengenalan teori ikonografi yang diasaskan oleh Panofsky ke atas 35 orang pelajar sekolah menengah, hasil kajian mereka berdua mendapati penggunaan unsur teks atau visual banyak mempengaruhi tahap celik visual para pelajar dalam usaha mentafsirkan tanda dan menangkap makna dari sebuah karya poster sebelum dan selepas teori ikonografi diterapkan. Karya poster yang didominasi oleh unsur teks tampaknya menghalang pelajar untuk berfikir secara mendalam kerana maksudnya jelas. Sebaliknya, jika unsur visual lebih dominan, daya kemampuan itu, justeru lebih cenderung diaktifkan melalui daya imaginasi yang dimiliki oleh mereka.

Selari dengan kajian yang dikemukakan di atas, Salinatin Mohamad Saled dan Mustafa Halabi Azahari (2013) pula menjalankan satu kajian yang cuba memahami fungsi karya poster dalam membentuk kesedaran masyarakat terhadap penyakit kencing manis berdasarkan corak sosioekonomi. Hasil pengamatan mereka mendedahkan yang karya poster memiliki fungsi penting khususnya dalam menyampaikan mesej tentang penyakit kencing manis kepada masyarakat walaupun ternyata masyarakat di bandar lebih peka terhadap kewujudan karya poster di pusat rawatan atau hospital jika dibandingkan dengan masyarakat luar bandar. Selain itu, hasil kajian mereka juga membuktikan yang unsur visual pada sesebuah karya poster lebih berpengaruh kepada daya ingatan jangka panjang masyarakat di kedua-dua latar sosioekonomi terhadap penyakit tersebut jika dibandingkan dengan unsur teks.

Akhir sekali, Noorlida Daud dan Ahmad Zamzuri Mohamad Ali (2019) meninjau karya poster dari aspek penerapan unsur-unsur baharu, iaitu emoji dengan reka bentuk datar (*flat design*) yang mampu memberikan nilai tambah kepada sesebuah karya poster kesedaran khususnya menyampaikan kesan emosi positif. Hasil dapatan kajiannya membentangkan sebuah kerangka teori berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan dan diuji di lapangan sehingga membuktikan yang penggunaan emoji dengan reka bentuk poster datar yang bersifat minimalis dan sederhana berupaya menyampaikan mesej yang sarat dengan emosi dan mencetuskan empati dalam kalangan pengamatnya. Kesan

empati ini secara langsung mahupun tidak langsung pula akan mempengaruhi pengamat dalam hal membuat keputusan yang terkait dengan kesedarannya terhadap mesej utama yang disampaikan melalui poster.

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah pun dibahaskan itu, maka jelas bahawa kajian ilmiah tentang karya poster boleh dikatakan masih berkembang dan diperjuangkan berterusan oleh kalangan ahli akademik di negara ini. Di samping itu, tema atau topik penulisan banyak berkisar tentang sisi pengaruh karya poster terhadap masyarakat, unsur reka bentuk, fungsinya sebagai medium atau alat untuk membentuk kesedaran pengamatnya. Dengan demikian, kajian yang dilaksanakan ini dapat mengisi lompong-lompong ilmiah khususnya jika dikaitkan dengan konteks perbahasan tentang mesej dari karya poster. Lagi pula, kajian ini memberi fokus terhadap karya poster di negeri Sabah, lokasi kajian yang belum banyak diterokai oleh kajian-kajian ilmiah terdahulu seperti yang dikemukakan sebelumnya.

METODOLOGI

Kajian yang dilaksanakan ini tergolong dalam kajian seni sepertimana yang telah digariskan terlebih dahulu oleh Rohidi (2011). Menurut beliau, kajian seni sebenarnya berada di bawah payung besar kajian kualitatif yang menekankan penerokaan dan kefahaman makna-makna simbolik yang terhasil dari kegiatan manusia dari satu-satu masalah kemanusiaan, kemasyarakatan ataupun kebudayaan.

Seperti kajian kualitatif lainnya, kajian seni seperti ini juga secara operasional melibatkan usaha-usaha penting seperti keterlibatan pengkaji secara langsung di lapangan atau situasi kehidupan nyata secara mendalam, melakukan tinjauan utuh atau holistik dan menangkap data tentang seni dan para pelaku setempat melalui pandangan pelaku seni itu sendiri melalui proses pemerhatian yang mendalam, temu bual yang lentur dan pengumpulan dokumen-dokumen yang berkaitan. Dalam hal penyajian laporan akhirnya, kajian seni seperti ini memang berfokus kepada hasil penciptaan seni atau karya poster sebagai objek sasaran kajiannya tetapi penghuraianya adalah dalam bentuk kata-kata atau deskriptif. Di sini, akumulatif dari pengalaman estetik daripada pengkaji sangat diperlukan khususnya daya kepekaan

dan penghayatan yang tinggi terhadap karya poster yang dikaji sehingga pada gilirannya dapat mengelakkan hasil kajian yang disajikan kering dan terjadinya *bias*.

Bagi mendekati, memahami dan menjelaskan permasalahan yang ingin dijawab dalam kajian ini, maka di bawah ini dibahaskan beberapa konsep dari beberapa disiplin ilmu pengetahuan yang difikirkan relevan.

Mesej

Sebagai satu konsep, mesej dapat difahami sebagai serangkaian tanda atau simbol yang digunakan oleh seseorang untuk menyatakan makna atau maksud tertentu kepada orang lain (Changara, 2002:14). Dalam pengertian tersebut, tersirat bahawa mesej merupakan satuan dari dua komponen utama iaitu; (1) struktur mesej, yang berisikan seperangkat tanda atau simbol yang digubah atau disusun sehingga dapat menjadi wakil atau pengantara kepada makna tertentu; (2) isi mesej, yang merujuk kepada maksud, pengertian atau makna dari sebuah tanda atau simbol yang dapat merepresentasikan, mengekspresikan atau menyimbolkan objek, konsep atau fikiran, suasana hati dan perasaan, cita-cita, harapan atau pengalaman manusia.

Mesej dapat diwujudkan dalam dua bentuk iaitu mesej berbentuk lisan (*verbal*) dan mesej berbentuk bukan lisan (*non-verbal*) (Tassoni, 2006:38). Perbezaan di antara kedua-duanya itu terletak pada penggunaan tanda atau simbolnya di mana mesej berbentuk lisan menggunakan tanda atau simbol *verbal*, iaitu kata-kata dan selalunya bersifat universal seperti dalam bentuk perbualan atau penulisan teks sedangkan, mesej berbentuk bukan lisan menggunakan tanda atau simbol *non-verbal* seperti gerakan tubuh, bunyi, visual dan lain-lain dan pada umumnya tidak bersifat universal, melainkan terikat oleh budaya seperti dalam bentuk tarian, lagu dan lukisan.

Dilihat dari fungsinya pula, sudah tentu kehadiran sesuatu mesej bukanlah tanpa tujuan. Antara tujuannya adalah untuk menginformasikan, mengajarkan, mendorong, membangkitkan kesedaran, mengkritik, menghibur atau mengubah sikap, keyakinan, perilaku atau tindakan manusia. Kesemuanya itu dapat dikelompokkan kepada tiga fungsi umum iaitu fungsi

informatif, fungsi persuasif dan fungsi koersif (Mufid, 2009:84). Fungsi informatif memuatkan keterangan fakta yang mana kemudiannya orang lain mengambil kesimpulan dan keputusan sendiri. Fungsi persuasif berisikan pujukan, iaitu membangkitkan pengertian dan kesedaran manusia bahawa apa yang disampaikan akan mengubah sikapnya atas kehendak sendiri. Fungsi koersif pula mengandungi paksaan dengan menggunakan akta, perintah atau peraturan untuk menumbuhkan tekanan batin atau ketakutan dalam kalangan masyarakat.


Karya Poster

Poster adalah kombinasi visual yang terdiri daripada unsur gambar dan juga teks dan memuatkan sejumlah informasi berupa ajakan, pengumuman atau iklan dengan maksud untuk menarik perhatian atau memotivasi tingkah laku manusia yang dicetak pada sehelai kertas atau bahan lain dan ditempatkan pada ruang umum (Sudjana & Rivai, 2005:51). Definisi tersebut secara tegas memberikan batasan bahawa sebuah poster mestilah merupakan bentuk karya yang sudah dicetak dan ditampal atau dipasang pada ruang umum untuk tatapan para pengamat atau sasaran penggunaannya. Pun begitu, karya poster hari ini tidak lagi terhad kepada hasil yang dicetak (manual) tetapi dapat juga merupakan hasil yang dimuat naik (digital) melalui paparan media sosial kerana seperti yang dikemukakan oleh Imelda dan Addley (2018:141), perkembangan teknologi informasi dan komunikasi yang semakin pesat berkembang memiliki implikasi terhadap perubahan bentuk hasil karya seni visual itu sendiri.

Seperti karya seni visual lainnya, unsur-unsur pembentukan karya poster yang berisikan unsur visual dan teks dapat diwujudkan melalui gambaran subjek hal benda yang dapat dikenali seperti manusia, objek, peristiwa, pemandangan alam, haiwan, huruf, nombor dan sebagainya. Di samping itu, adakalanya unsur pembentukan itu dihadirkan melalui gambaran yang tidak menyerupai sesuatu atau abstrak seperti palitan warna, garisan, rupa, jalinan dan lain-lain. Dalam konteks wujudnya yang nyata, sebuah karya poster dapat merupakan kombinasi di antara kesemua unsur yang telah disebutkan itu (Barrett, 1992:116).

Dalam hal fungsinya, sebuah karya poster merupakan satu medium atau alat yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu informasi yang merujuk kepada sesuatu permasalahan atau persoalan tertentu sesuai apa yang difikirkan, dirasakan, diharapkan atau dicita-citakan oleh penciptanya. Tujuannya adalah pelbagai; ia dapat menjadi sarana penting bagi memberi atau mewujudkan kefahaman atau pencerahan (fikiran), menarik perhatian (persepsi), mempengaruhi atau memujuk (perasaan) dan juga memotivasikan tingkah laku atau perbuatan (perilaku) yang dianggap sesuai dengan norma, peraturan atau nilai budaya sesuatu masyarakat di sesuatu tempat tertentu (Hafizah Rosli, 2018:305).

Berdasarkan kefahaman yang diperoleh dari konsep-konsep yang dikemukakan di atas dan dengan mempertimbangkan hubungan di antara konsep-konsep tersebut, maka kesemuanya itu dapat disederhanakan seperti rajah kerangka konseptual di bawah yang dapat juga dijadikan pedoman bagi menganalisis mesej pada karya poster COVID-19 dari BSLS.



Rajah 1 Model kajian mesej keselamatan diri pada karya poster

Sumber: Changara (2002) dan Sudjana dan Rivai (2005)

Berdasarkan kerangka konseptual di atas (Rajah 1), dapat dijelaskan bahawa karya poster yang merupakan bentuk mesej (bukan lisan) ditempatkan pada kedudukan di tengah-tengah sebagai objek analisis kajian yang pada dasarnya memiliki unsur visual berupa gambar dan teks.

Selanjutnya, analisis dimulakan dengan mengenal pasti dan menjelaskan struktur mesej yang terdiri daripada aspek tanda dan juga simbol yang hadir dari unsur visual dari sebuah karya poster yang dikaji (lihat lingkaran lapisan kedua berwarna coklat). Sebagai tanda, suatu unsur visual dari sebuah karya poster dapat merepresentasikan atau menggambarkan suatu peristiwa, tokoh (orang), pemandangan alam (tempat), haiwan, kata-kata, angka bilangan ataupun gambaran abstrak. Dengan demikian, sebuah tanda memiliki hubungan langsung dengan apa yang ditandainya dan pengertian sebuah tanda bergantung pada hubungan antara unsur visual dalam karya poster itu sendiri.

Berbeza dengan itu, sebagai simbol, ia memiliki sifat sembarangan atau sewenang-wenang dan dengan itu sebuah simbol tidak memiliki hubungan secara langsung dengan apa yang disimbolkannya. Untuk menginterpretasikan sebuah simbol, diperlukan pra kefahaman atau konteksnya (rujuk lingkaran lapisan ketiga berwarna kelabu gelap) sebagai latar acuan bagi rujukannya yang memiliki kaitan dengan aspek-aspek yang berkaitan seperti pengalaman seniman, konsep, sosial dan budaya, ilmu pengetahuan dan peristiwa atau sejarah.

Kombinasi di antara pengertian-pengertian yang diperoleh dari sebuah tanda atau simbol itu pada gilirannya membuka laluan kepada kefahaman makna atau maksud dari sebuah karya poster yang merupakan isi dari sebuah mesej (rujuk lingkaran lapisan keempat berwarna ungu). Akhirnya, berdasarkan pada makna atau maksud tersebut, dapat ditentukan, sekali gus ditemukan fungsi dari sebuah karya poster yang juga dilihat sebagai fungsi dari sebuah mesej mencakupi fungsi informatif, fungsi persuasif atau fungsi koersif.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Biodata Intan Munirah Hamzah

Intan Munirah Hamzah atau lebih mesra disapa dengan panggilan Intan dilahirkan di Hospital Beaufort pada 12 Julai 1990. Beliau merupakan anak jati Sabah yang berasal dari daerah Sipitang namun kini telah menetap dan bekerja di Kota Kinabalu. Beliau bersekolah di Sekolah Menengah Pengiran Omar, Sipitang sehingga memperoleh Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Kemudian, melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sehingga berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Teknologi Visual. Setelah menamatkan pengajiannya, beliau pada mulanya bekerja sebagai pereka grafik di agensi pengiklanan di Putatan. Namun demikian, disebabkan wujudnya kekangan peribadi, beliau akhirnya nekad untuk berhenti kerja. Tidak lama selepas itu, beliau ditawarkan bekerja sebagai pereka di BSLS sehingga hari ini.

Menurutnya, minat terhadap bidang seni visual telah tumbuh sejak beliau kecil. Pengaruh awal yang membuatkan beliau berminat dalam seni visual adalah menerusi pembacaan komik-komik dari Hong Kong dan Jepun. Tanpa disedari, beliau mula mengikut gaya lukisan komik tersebut dan dari situ kemahiran melukisnya mulai berkembang. Pelukis komik yang paling digemarinya adalah Hui King Sum yang menghasilkan komik terkenal seperti *Street Fighter*. Kini, idola-idola bidang seni visual adalah daripada kalangan para pelukis tempatan dan antarabangsa seperti Muslim Matajim, Bayu Utomo Radjikin, Ahmad Zakii Anwar, Guy Denning dan Agnes Cecile.

Selama penglibatannya sebagai seorang pereka sepenuh masa dan pelukis secara sambilan, Intan kerap menyertai pameran dan pertandingan yang dianjurkan khususnya di negeri Sabah. Antara aktiviti seni visual yang sering beliau sertai adalah Pertandingan Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah (KPTNS), Pameran Karya Jemputan Negeri Sabah, Pameran Bakat-Bakat Baharu Negeri Sabah, *Art Under RM300* dan lain-lain lagi. Di samping itu, beliau juga aktif melalui karya-karya mural dan arca awam seperti *Pillars of Sabah* dan juga *Art by the Bay*. Ketika ditanya tentang impian masa depannya dalam bidang seni visual, beliau menjelaskan bahawa impian utamanya adalah untuk membuat pameran solo yang mana semua karya beliau dalam pelbagai aliran dan genre dipamerkan untuk tontonan pengamat seni visual tempatan.

Struktur dan isi mesej pada karya poster 1



Gambar 1 Intan Munirah Hamzah, *Use Face Mask*, 2020, Poster Digital
Sumber: Intan Munirah Hamzah (2020)

Karya bertajuk *Use Face Mask* ini merupakan salah satu dari siri poster COVID-19 oleh BSLs yang dimuat naik dalam media sosial pada minggu kedua PKP diperkenalkan. Ia menggambarkan potret seorang perempuan iaitu Monalisa yang merupakan sosok figura ikonik dari karya catan pelukis tersohor Itali iaitu Leonardo Da Vinci. Unsur visual tersebut telah dipinjam oleh Intan melalui manipulasi digital terhadap bentuk, kesan jalinan dan juga warna yang pada dasarnya disederhanakan olehnya sehingga cenderung berubah dari gaya pengucapan asalnya yang bersifat realistik kepada gaya pengucapan yang bersifat ilustrasi komik. Bukan itu sahaja, peminjaman tersebut bukanlah secara melulu, bahkan Intan juga menghadirkan perbezaan yang jelas pada potret tersebut dengan membuat perubahan pada wajah Monalisa yang dipakaikan dengan topeng muka yang menutup bahagian atas hidung sehingga ke bawah dagu.

Wajah Monalisa yang memakai topeng muka telah menyimpangkan atau mengalihkan pengertian tentang dirinya sebagai seorang perempuan yang pernah hidup pada era Renaissance di Itali. Ertinya, beliau bukan lagi

menjadi representasi dari manusia pada abad ke-16 tetapi telah mewakili manusia pada abad ke-21 yang hidup di tengah-tengah situasi penularan virus COVID-19 yang melanda di seluruh dunia. Pengertian terhadap tanda tersebut diperkuat lagi oleh Intan melalui penonjolan latar belakang yang membuang gambaran pemandangan landskap suram pada karya asal dan digantikan dengan garapan corak geometrik dengan warna yang terang sehingga sekali pandang membangkitkan kesan kekinian, moden dan kental dengan sentuhan teknologi.

Di samping itu, tanda visual pemakaian topeng muka ini juga menandakan bahawa sebahagian ciri utama yang mewujudkan karakter kepada wajah ikonik itu sudah tidak dapat lagi boleh dilihat oleh pandangan mata orang lain kerana telah tertutup oleh alat pelindung keselamatan. Makna harfiah itulah juga dimaksudkan oleh tanda teks yang berada di bawah tanda visual potret Monalisa di mana dapat dibaca sebagai sebuah ungkapan yang dilontarkan sendiri oleh sosok tersebut melalui gabungan kata-kata yang membentuk pernyataan “*Underneath this mask, I am still smiling*” atau “Di bawah topeng ini, saya masih tetap tersenyum”. Sekilas, ia menunjukkan kepada pengertian tentang tiada apa-apa yang berubah pada wajahnya yang terkenal dengan senyuman manis yang memukau meskipun ia telah tertutup oleh penutup muka. Cuma, apa yang nyata berubah hanyalah senyumannya itu sudah tidak lagi boleh dilihat atau diterima oleh orang lain.

Menarik untuk dikemukakan di sini bahawa hal yang ditekankan oleh Intan pada tanda teks itu adalah pada aspek senyuman Monalisa yang terselindung dan bukannya pada aspek wajahnya yang dapat dilihat. Di sinilah kesesuaian atas peminjaman visual potret Monalisa tampak relevan kerana menurut pandangan sejarah seni visual, salah satu keistimewaan dari karya potret Monalisa adalah pada senyumannya yang memukau perhatian pengamatnya. Dalam konteks budaya, bahasa tubuh berupa senyuman seperti yang dapat dilihat pada gambaran asal karya Monalisa mengungkapkan pengakuan sopan manusia atas kehadiran seseorang di hadapannya (Ali Nurhasan Islamy, 2015:47). Dengan demikian, senyuman dapat dimengerti sebagai sebuah simbol kepada adab kesopanan dan kesusilaan manusia ketika berhubungan atau melakukan kontak dengan manusia lain.

Pengertian makna dari karya poster ini setidaknya-tidaknya ingin menyampaikan maksud tentang pergeseran, sekali gus penyesuaian norma (adab kesopanan) dalam suatu hubungan sosial ketika terjadinya fenomena penularan wabak penyakit seperti virus COVID-19. Lebih jelas lagi, pemakaian topeng muka yang berfungsi sebagai langkah yang dapat diambil untuk melindungi diri dari dijangkiti virus COVID-19 tidak bermakna manusia telah kehilangan adab kesopanan dan kesusilaannya ketika melakukan hubungan sosial antara sesamanya. Akan tetapi, demi menjaga keselamatan diri, manusia mahu tidak mahu harus mengorbankan, melepaskan, atau meletakkan ke tepi amalan norma-norma sosial lama yang sebelumnya dianggap penting dan bernilai buat sementara waktu kerana terhalang disebabkan adanya amalan-amalan baharu seperti pemakaian topeng muka.

Penegasan terhadap hal tersebut juga disampaikan oleh Intan secara padat melalui tanda teks utama karya ini yang dapat dibaca sebagai “*Use Face Mask*” atau “Pakai Topeng Muka”. Kata-kata tersebut ditampilkan oleh Intan dengan warna merah yang kontras dengan warna-warna sejuk seperti hijau kebiruan dan hijau kekuningan yang mendominasi hampir keseluruhan ruang komposisi latar belakang sehingga ia menjadi titik fokus utama dari karya poster tersebut. Dalam konteks psikologi warna, merah adalah warna yang sering kali dihubungkan dengan peringatan (Khadher Ahmad & Munirah Abd Razak, 2012:881). Jadi, pemakaian warna tersebut setidaknya-tidaknya dapat dimaknai sebagai suatu peringatan kepada pengamat atau masyarakat yang melihat karya poster ini bahawa pemakaian topeng muka adalah sesuatu yang penting dan harus diamalkan oleh semua orang ketika negara ini sedang berhadapan dengan fenomena virus COVID-19.

Struktur dan isi mesej pada karya poster 2



Gambar 2 Intan Munirah Hamzah, *Vincent Stay At Home*, 2020,
Poster Digital
Sumber: Intan Munirah Hamzah (2020)

Karya poster kedua dari siri poster COVID-19 dari BSLs yang bertajuk *Stay At Home* ini memperlihatkan gambaran potret seorang lelaki separuh tubuh dari pandangan belakang tetapi wajahnya dipalingkan ke arah sisi sebelah kiri bidang komposisi. Berdasarkan judul karya dan juga ciri yang tampil pada wajahnya yang berambut keperangan dan juga memiliki jambang yang lebat, sosok lelaki ini merupakan representasi dari Vincent van Gogh, seorang pelukis kelahiran Belanda yang begitu terkenal dengan karya-karya potret diri dan landskap dengan gaya Pasca Impresionisme yang dicirikan melalui sapuan warna-warna buram, garisan berat dan ilusi pergerakan udara dan juga cahaya.

Pun begitu, sosok van Gogh dalam karya poster ini bukanlah suatu representasi ulang kepada seorang pelukis yang hidup di akhir abad ke-19 tetapi digambarkan oleh Intan sebagai seorang lelaki masa kini yang berkerjaya, mengamalkan gaya hidup moden dan hidup di kawasan bandar atau kota besar. Hal tersebut ditandai dari atribut gaya pakaian formal dan

juga gaya potongan rambut yang mencerminkan kesezamanan. Bukan itu sahaja, gaya hidup moden sezaman itu juga dipertegaskan oleh Intan melalui perubahan pada pola pengucapan visual karya yang menggantikan tindanan warna-warna asas dari karya Pasca Impresionisme kepada penerapan warna-warna datar yang terang dan latar belakang bercorak geometrik.

Selanjutnya, untuk mendapatkan pengertian dari tanda visual yang hadir pada struktur mesej karya poster ini, maka salah satu cara adalah dengan menghubungkannya dengan tanda teks yang berada di bahagian bawah komposisi di mana ia dapat dibaca sebagai suatu ungkapan daripada van Gogh sendiri dalam bentuk pernyataan verbal yang dialihkan dalam bentuk kata-kata berbunyi “*I’ve lost my ear, still I listen to the authority’s order*” atau “Saya telah kehilangan telinga, tetapi saya mendengar perintah pihak berkuasa”. Pengertian dari tanda teks tersebut sekurang-kurangnya menunjukkan kepada dua arah iaitu di satu sisi, ia menandakan van Gogh sebagai seorang yang cacat atau kurang upaya dan di sisi lain, ia mempamerkan sikap beliau sebagai seorang yang patuh terhadap arahan atau peraturan daripada pihak berkuasa.

Berbicara tentang van Gogh di luar konteks karya-karyanya tentu sahaja mengingatkan kita tentang telinganya. Melalui catatan sejarah seni visual, ia dikaitkan dengan tindakan pemusnahan diri (*self-mutilation*) van Gogh yang memotong sebahagian dari cuping telinganya kerana berang selepas terjadinya insiden pertengkaran di antara beliau dan rakan pelukisnya Paul Gauguin semasa mereka tinggal bersama-sama di sebuah studio di Arles, wilayah selatan Perancis (lihat Wood, 2015:19). Jadi, ternyata pemilihan kata “*I’ve lost my ear*” atau “Saya telah kehilangan telinga” oleh Intan bukan semata-mata dimaksudkan untuk menunjukkan kecacatan fizikalnya sahaja tetapi lebih jauh dari itu menyimbolkan suatu bentuk kekurangan dalam hal keperibadian manusia yang cenderung bersifat esentrik, sukar mengalah, tidak dapat mengawal diri dan egois. Makna tekstual itulah yang cuba disampaikan oleh Intan melalui tanda bahasa sosok tubuh van Gogh yang membelakangkan pengamat karya poster ini. Sekali pandang, jelas bahawa gaya bahasa tubuh tersebut menandakan dirinya sebagai seorang peribadi manusia yang kasar, egois dan tidak mempedulikan persekitarannya.

Makna yang sarat dengan muatan negatif dari sisi-sisi kehidupan personal atau individual itu pula dihadapkan oleh Intan melalui pemilihan kata selebihnya dari tanda teks tersebut yang menandakan diri van Gogh sebagai seorang manusia moden yang memiliki sikap kepatuhan terhadap arahan pihak berkuasa. Makna kepatuhan itu juga dapat disemak kembali pada penonjolan tanda visual dari karya poster ini yang menunjukkan kedudukan wajahnya yang dipalingkan ke sisi seolah-olah sedang mendengar sesuatu yang disampaikan melalui sebelah telinganya yang masih lagi berfungsi. Pun begitu, ekspresi wajahnya yang datar dan tegang menandakan suasana hati dan perasaan yang tidak senang atau tidak gembira. Dalam konteks psikologi, makna ekspresi tersebut dapat menyimbolkan suatu bentuk pengorbanan kerana pada umumnya kepatuhan seseorang terhadap arahan atau peraturan bukan bersumber dari kerelaan hati tetapi disebabkan oleh wujudnya ancaman berbentuk hukuman atau denda yang bakal diterima jika melanggar sesuatu arahan atau peraturan.

Arahan atau peraturan pihak berkuasa yang dimaksudkan oleh karya poster ini terpampang jelas melalui tanda teks utamanya berupa susunan huruf-huruf berwarna hijau dan dapat dibaca sebagai “*Stay At Home*” atau “Duduk Di Rumah”. Dalam konteks peristiwa COVID-19, duduk di rumah dianggap sebagai satu langkah pencegahan bagi menghalang penularan virus terbabit. Dengan demikian, ia dapat menjadi simbol terhadap keselamatan diri manusia. Kemudian, penggunaan warna hijau yang merupakan warna setentang (*complimentary colour*) dari warna merah yang mendominasi latar belakang karya poster ini dipercayai dapat meredakan ketegangan atau situasi penuh tertekan sehingga pada gilirannya menciptakan suatu kesan perasaan seimbang yang penuh dengan kedamaian, ketenangan dan rasa selamat (Purbasari & Diah, 2014:364). Hal ini sekali gus mendalamkan lagi makna harfiahnya kepada suatu pengertian simbolik bahawa dengan duduk di rumah, individu atau masyarakat dapat menyelamatkan diri dari mara bahaya yang mungkin datang dari virus COVID-19, sekali gus mampu hidup kekal tenang.

Berdasarkan pengertian yang diperoleh dari tanda teks dan tanda visual, maka muncul kefahaman menyeluruh tentang makna keseluruhan dari karya poster ini. Secara sederhana, ia mahu mengungkapkan tentang pengorbanan manusia dalam bentuk sikap dan tingkah laku dalam aspek hubungannya

dengan pemerintah melalui arahan atau peraturan dari pihak berkuasa untuk kekal duduk di rumah ketika negara ini sedang berhadapan dengan virus COVID-19. Dalam hal ini, pengorbanan yang dimaksudkan adalah ketika manusia sanggup mengalah atau bertoleransi dengan cara mengubah sikap dan tindakan yang diambil agar selari dengan apa yang digariskan atau diwartakan dalam bentuk arahan atau peraturan meskipun sebenarnya bertentangan dengan keperibadian asalnya.

Struktur dan isi mesej pada karya poster 3



Gambar 3 Intan Munirah Hamzah, *Wash Your Hands*, 2020, Poster Digital
Sumber: Intan Munirah Hamzah (2020)

Karya poster terakhir dari siri poster COVID-19 dari BSLS yang bertajuk *Wash Your Hands* ini menggambarkan potret seorang perempuan dalam pandangan hadapan dari bahagian pinggang ke atas. Berdasarkan informasi yang tertulis pada karya poster ini, gambaran subjek tokoh tersebut merupakan seorang perempuan bernama Adele Bloch-Bauer 1, seorang hartawan berbangsa Yahudi dan juga merupakan isteri kepada Ferdinand Bloch-Bauer yang merupakan ahli bank dan juga pengilang gula terkenal di Vienna, Austria pada awal abad ke-20. Sosok perempuan ini pernah diabadikan oleh Gustav Klimt dalam sebuah karya catan bertajuk *Portrait of*

Adele Bloch-Bauer I atau sering juga disebut sebagai *The Lady in Gold* yang ditempah oleh suaminya dan siap sepenuhnya pada sekitar tahun 1907 dan sekarang dipamerkan di Neue Gallery, New York (lihat Furman, 2019:1-2).

Tidak seperti dua karya yang telah dibahas sebelumnya, pada karya ini Intan tidak melakukan apa-apa perubahan signifikan pada visual rujukan asalnya yang menyangkut penambahan sesuatu unsur baharu, baik pada bentuk, postur, gaya (pakaian atau rambut) mahupun ekspresi wajah. Sebaliknya, perubahan yang hadir adalah dalam bentuk teknik yang berkaitan dengan penyesuaian kadar banding, teknik pengolahan karya yang lebih kepada penyederhanaan bentuk dan warna sehingga cenderung memperlihatkan gaya ilustrasi komik serta pengolahan bahagian latar belakang yang memadukan unsur geometrik dan warna-warna terang sehingga kesemuanya itu membangkitkan kesan kekinian, moden dan penuh dengan sentuhan teknologi. Perubahan teknik itu meskipun tidak sekuat dua karya sebelumnya tetap mampu mengisyaratkan yang sosok perempuan ini bukan seorang hartawan yang hidup pada awal abad ke-20 tetapi merupakan bahagian dari kelompok masyarakat kelas atasan abad ke-21 ketika dunia bertarung melawan penularan virus COVID-19.

Seperti karya *Stay At Home*, struktur mesej karya poster ini lebih mudah untuk difahami pengertiannya jika dimulakan dari tanda teks yang berada di bahagian bawah komposisi dan dapat dibaca sebagai suatu ungkapan berbentuk kata-kata daripada Adele yang merupakan satuan kata-kata yang membentuk pernyataan berbunyi “*No matter how fancy you are, always wash your hand*” atau “tidak kira betapa berhiasnya anda, keraplah membasuh tangan”. Pernyataan ini, secara harfiah menandakan bahawa kebersihan diri tidak mengenal penampilan luaran seseorang. Bahkan, tidak terlalu berlebihan jika dikatakan bahawa kebersihan diri merupakan keperluan hidup manusia yang paling dasar kerana ia memenuhi keinginan manusia untuk mendapatkan hidup yang tenang dan juga selesa (lihat Abdul Aziz Alimul Hidayat & Musrifatul Uliyah, 2004:19-20).

Namun demikian, menarik untuk dibahas di sini tentang pemilihan golongan perempuan berhias sebagai kelompok sasaran dalam kaitannya dengan amalan mencuci tangan. Ditinjau dari fahaman penjagaan kecantikan,

dipercayai bahawa membasuh tangan dengan kerap dapat mengakibatkan masalah kulit kering, kasar atau mengelupas bahkan mengundang keradangan sehingga menyebabkan rasa pedih atau luka, sekali gus mempengaruhi penampilan seseorang (Priherdityo, 2015). Jadi, dalam konteks ini, mencuci tangan dengan kerap dapat menjadi simbol terhadap kemudaratan fizikal dari aspek kecantikan atau penampilan diri seseorang. Jadi, jelas bahawa golongan berhias dalam karya poster ini dipilih oleh Intan sebagai simbol kepada obsesi perempuan terhadap kecantikan.

Secara visual, makna obsesi terhadap kecantikan itu direpresentasikan melalui atribut pakaian, aksesori, dandanan rambut serta solekan yang sarat dengan corak dan terkesan berlebih-lebihan. Dari situ, dapat ditentukan bahawa Adele merupakan seorang perempuan yang suka berhias, berdandan dan bergaya lebih dari kebiasaannya. Pun begitu, meskipun obses terhadap kecantikan, Adele justeru digambarkan sebagai seorang perempuan yang mengamalkan kebersihan diri dengan cara mencuci tangan. Lihat sahaja pada aksi tangannya yang mengajuk seakan-akan sedang menunjukkan cara-cara yang betul mencuci tangan. Dilihat dari konteks peristiwa COVID-19 di mana membasuh tangan dengan kerap dapat mencegah dan melindungi diri seseorang dari terkena jangkitan. Aksi tersebut dapat menyimbolkan sosok Adele sebagai simbol kebijaksanaan kerana sanggup meletakkan keselamatan diri mengatasi penampilan dirinya sendiri.

Secara sedar mahupun tidak, makna kebijaksanaan ini juga dihadirkan oleh Intan melalui warna kuning pada tanda teks utama karya poster ini yang merupakan gabungan huruf-huruf membentuk kata “*Wash Your Hand*” atau “Basuh Tangan Kamu” Menerusi perspektif psikologi warna, kuning adalah warna yang mengandungi makna kepandaian, kebijaksanaan kewibawaan atau kemuliaan (Gardjito & Erwin, 2010:65). Berdasarkan pengertian tersebut, ia mampu memberikan makna bahawa tindakan membasuh tangan merupakan pilihan yang bijak lebih-lebih lagi ketika dilakukan untuk tujuan kebaikan seperti mengelak diri dari suatu musibah seperti jangkitan virus COVID-19.

Melalui pengertian-pengertian yang diperoleh dari unsur teks dan visual itu tadi, maka dapat dirumuskan isi mesej dari karya poster ini. Ia mengungkapkan tentang dilema kehidupan sezaman yang memaksa

manusia menentukan dan membuat pilihan tentang apa dianggapnya menjadi keutamaan atau kepentingan dalam situasi fenomena COVID-19 yang menuntutnya melakukan penyesuaian terhadap sikap serta tindakan seperti halnya kerap mencuci tangan. Untuk itu, kebijaksanaan amat diperlukan dalam hal pengambilan keputusan tentang apa yang dianggap baik dan penting atau berguna oleh manusia pada masa dahulu mungkin sahaja berisiko menjadi menjadi tidak baik, tidak penting dan tidak berguna pada masa kini. Apa yang harus diutamakan sekarang adalah kesihatan dan keselamatan diri manusia itu sendiri.

Fungsi mesej karya poster COVID-19 BSLS

Berdasarkan pada analisis dan perbincangan yang dilakukan ke atas struktur dan isi mesej dari karya-karya poster COVID-19 dari BSLS, maka ditemukan sekali gus dijelaskan pula fungsi mesej dari karya-karya poster itu yang dapat dipecahkan kepada fungsi informatif dan fungsi persuasif.

Dari aspek fungsi informatifnya, karya-karya poster tersebut mampu menyampaikan maklumat tentang aspek-aspek keselamatan diri dan pencegahan yang boleh diambil dan diamalkan oleh setiap individu dalam masyarakat bagi mengekang, melawan, sekali gus menghindari terjadinya penularan virus COVID-19. Ia tidak segan silu memberitahu kelompok sasarannya bahawa dalam situasi masyarakat dan kebudayaan yang sedang dilanda oleh krisis kesihatan berskala global ini, kehidupan manusia itu pada umumnya telah berubah daripada amalan, tindakan, sikap atau norma-norma sosial budaya yang suatu ketika dulu menjadi bahagian yang dianggap penting dan bernilai mahu tidak mahu harus disesuaikan dengan amalan, tindakan, sikap atau norma-noma sosial budaya yang baharu.

Selain itu, sebagai siri poster yang dihasilkan oleh organisasi atau lembaga seni visual, penonjolan subjek-subjek tokoh dari sejarah seni visual dunia setidak-tidaknya berkeupayaan berkongsi informasi tentang seni visual pada masyarakat umum khususnya terkait dengan pelukis dan karya-karya agungnya. Bagi pengamat khususnya mereka yang bukan dalam bidang seni visual, hal ini bakal membuka horizon pengetahuan baharu buat mereka untuk mengenali dengan lebih dekat tentang dunia seni visual yang pada dasarnya

masih asing buat sebahagian kelompok masyarakat di negara ini, baik yang tinggal di bandar mahupun menetap di luar bandar.

Kemudian, dari aspek fungsi persuasif, siri karya poster ini mampu merangsang keprihatinan pengamat terhadap isu atau permasalahan yang terkait dengan fenomena COVID-19 dan mendorong mereka untuk memainkan peranan masing-masing dalam hal amalan langkah-langkah keselamatan diri dan pencegahan penularan seperti yang disarankan dalam karya-karya poster tersebut seperti memakai topeng muka, kekal duduk di rumah dan mencuci tangan dengan kerap. Lebih jauh dari itu, pengamat juga dapat memainkan peranan sebagai agen penyebar motivasi kepada orang lain ketika mereka berkongsi karya-karya poster COVID-19 dari BSLS ini pada halaman media sosial mereka masing-masing.

Bukan itu sahaja, fungsi persuasif dari karya-karya poster ini juga tampak ketika ia cuba mengajarkan tentang nilai kebersihan diri, nilai pengorbanan dan nilai norma sosial baharu yang pada intinya mengajak masyarakat untuk menghargai kesihatan, mematuhi arahan dan juga peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa serta membuat pilihan dan penilaian yang tepat dan bijak tentang segi-segi kehidupan peribadi mereka pada saat sukar ini. Nilai-nilai ini tentu sahaja dapat diterjemahkan, sekiranya masyarakat bersama-sama menunjukkan sikap dan pemikiran yang terbuka, bertolak ansur dan mempunyai disiplin yang tinggi, baik ketika terpaksa berada di tempat awam mahupun semasa berada di dalam rumah.

Fungsi mesej dari siri karya poster ini walaupun tidak keseluruhannya dapat diambil oleh pengamat yang mengapresiasinya, tetapi dirasakan bahawa dengan gaya persembahan dan juga struktur mesej yang sederhana telah memudahkan penyampaian untuk terus mencapai sasaran.

KESIMPULAN

Sebuah karya poster bukan hanya sekadar kombinasi gambaran visual dan teks yang memiliki aspek-aspek keindahan mahupun hiburan. Akan tetapi, ia merupakan alat atau medium komunikasi bukan lisan yang dihasilkan oleh penciptanya untuk menyampaikan sesuatu berupa mesej kepada orang

lain yang dapat berkaitan dengan isu atau permasalahan kemanusiaan, masyarakat dan kebudayaan yang dibungkus semula melalui penggunaan tanda dan simbol sehingga pada gilirannya dapat memainkan fungsi informatif dalam menerangkan sesuatu dan fungsi persuasifnya untuk mendorong atau mengajak masyarakat untuk mengubah perilaku dan tindakannya ke arah yang lebih baik.

Karya-karya poster COVID-19 dari BSLS adalah ungkapan-ungkapan mesej *non-verbal* Intan Munirah Hamzah yang mengedepankan mesej keselamatan diri dan pencegahan yang terkait dengan fenomena COVID-19 yang sedang melanda dunia pada masa kini. Struktur mesejnya menyampaikan isi mesej yang mewakili makna tentang adab kesopanan dan kesusilaan, sikap pematuhan dan juga kebijaksanaan fikiran ketika semua orang dituntut untuk mengamalkan beberapa langkah keselamatan dan pencegahan seperti kerap memakai topen muka, kekal duduk di rumah dan kerap mencuci tangan. Siri karya poster ini bukan sahaja memainkan fungsinya secara informatif dalam memberikan maklumat tentang keselamatan diri dan langkah-langkah pencegahan dalam menghadapi fenomena COVID-19, tetapi juga mengaktifkan fungsinya melalui ajaran nilai seperti nilai kesihatan, nilai kebersihan, nilai pengorbanan dan nilai norma sosial baharu agar pada akhirnya mendorong atau mengajak masyarakat untuk sama-sama memainkan peranan masing-masing dalam menanggapi fenomena kesihatan berskala global ini.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Alimul Hidayat & Musriful Uliyah. (2004). *Buku saku praktikum kebutuhan dasar manusia*. Jakarta: Penerbit Buku Kedokteran EGC.
- Aiman Sadiq Abdullah. (2010). Koronavirus positif di pasar haiwan eksotik di Wuhan. <https://www.sinarharian.com.my>
- Ali Nurhasan Islamy. (2015). Penerapan senyum pustakawan sebagai keterampilan sosial di perpustakaan. *Jurnal Berkala Ilmu Perpustakaan dan Informasi*, 11(2), 44-49.
- Barret, M. (1982). *Art education: A strategy for course design*. London: Heinemann Educational Books.
- Changara, H. (2007). *Pengantar ilmu komunikasi*. Jakarta: PT Rajagrafindo Persada.
- Furman, A.A. (2019). Saving Adele: A history of portrait of Adele Bloch-Bauer I. *Quest Journal of Humanities and Social Science*, 3(1), 1-19.

- Gardjito, Erwin, L.T. (2010). *Serba serbi tumpeng: Tumpeng dalam kehidupan masyarakat Jawa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hafizah Rosli. (2018). The element of poster design: Content visual analysis of Malaysian's health campaign poster. *International Journal of Multidisciplinary Thought*, 7(3), 305-316.
- Imelda Ann Anchin & Addley Bromeo Bianus. (2018). Analisis struktur plot dalam filem cereka animasi 3D pertama di Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 23(1),141-56.
- Khadher Ahmad & Munirah Abd Razak. (2012). Warna merah dan kaitannya dengan sifat marah dalam perspektif hadith: Satu analisis awal. Dlm. Khadher Ahmad & Sedek Ariffin (eds.), *Transformasi Penyelidikan dalam bidang Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Maslow, A.H. (2019). *A theory of human motivation: A psychological research that helped change the field for good*. New Delhi: General Press.
- Mona Masood & Zakiah Zain. (2013). Appreciating, interpreting and understanding poster via levels of visual literacy. *Journal of Science, Engineering and Technology*, 9(2), 1799-1803.
- Mufid, M. (2009). *Etika dan filsafat komunikasi*. Yogyakarta: Prenadamedia Group.
- Noorlida Daud & Ahmad Zamzuri Mohamad. (2019). Kerangka konseptual reka bentuk emoji untuk poster kesedaran dalam bentuk media bercetak. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 7(1),11-21.
- Nur Faizah Mohd Pahmie & Ahmad Sofiyuddin Mohd Shuib. (2014). Advertising design: The use of print ads (poster) in campaign design towards the child sexual abuse prevention. *International Journal of Technical Research and Applications*, 2(3), 80-83.
- Priherdityo, E. (2015). Dampak buruk terlalu sering cuci tangan. <http://www.cnnindonesia.com>
- Purbasari, M. & Diah, R.A. (2014). Warna dingin si pemberi nyaman. *Journal Humaniora Language, People, Art and Communication Studies*, 5(1), 357-366.
- Rohidi, T.R. (2011). *Metodologi penelitian seni*. Semarang: Cipta Prima Nusantara.
- Saiful Akram Che Yob. (2019). Propaganda visual: Satu antitesis simbolik pendudukan Jepun di Tanah Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (Special Issues), 17-26.
- Salinatin Mohamad Saleh & Mustafa Halabi Hj Azahari. (2013). Diabetes healthcare awareness in Malaysia: Communication medium through poster in socioeconomic patterns. *Proceeding International Conference on the Modern Development of Humanities and Social Science*. 1-2 Disember, 2013. Hong Kong.
- Sudjana, N. & Rivai, A. (2005). *Media pengajaran*. Bandung: Sinar Baru Algensindo.
- Tassoni, P. (2006). *BTEC National early years*. Oxford: Heinemann Educational Publishers.
- Wood, T. *Paul Gauguin: Artists through the ages*. New York: Windmill Books.
- Zubaidah Osman & Nor Azura Adzharuddin. (2015). Pengaruh visual dan verbal dalam iklan kempen terhadap emosi. *Journal of Education and Social Sciences*, 2(1),51-55.